

Bah

Mahathir - Kontena

PELABUHAN KLANG, 12 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan mengeluarkan lesen kepada syarikat lain jika perkhidmatan empat buah syarikat yang dilesenkan untuk mengendalikan perkhidmatan kontena di negara ini, tidak memuaskan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menegaskan demikian berkata, kerajaan akan mengawasi dengan teliti prestasi syarikat-syarikat pengangkut kontena di negara ini.

+Kita tengok kepada keperluan sekarang. Kalau empat syarikat ini tidak boleh (beroperasi dengan baik), kita akan beri lagi (lesen),+ katanya kepada pemberita selepas melancarkan pelayaran ulung kapal minyak sawit +Bunga Siantan+ dan perkhidmatan kontena MISC Haulage Services Sdn Bhd di sini.

Empat syarikat pengangkut kontena sekarang ialah Kontena Nasional, Shapadu Holdings, Konsortium Perkapalan dan yang terbaru, MISC.

Semasa berucap, Perdana Menteri berkata kelulusan diberikan kepada MISC untuk membabitkan diri dalam pengangkutan kontena setelah diambil kira kedudukannya sebagai syarikat perkapalan terbesar di negara ini dan bilangan kontena yang dikendalikannya.

+Jumlah barang-barang kontena yang bergerak melalui pelabuhan di Malaysia telah meningkat dengan pesatnya dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Walaupun tiga syarikat sebelum MISC telah meningkatkan ruang muatan mereka, terbukti yang mereka sukar untuk memenuhi sepenuhnya permintaan yang kian bertambah,+ kata beliau. -- Lagi.

♥12/03/15-17MST

U GB 12-03 00162 BA057

Bah

Mahathir - Kontena 2 Pelabuhan Klang

Perdana Menteri juga mengingatkan pentingnya perkembangan angkatan kapal diselaraskan dengan keperluan perdagangan negara supaya Malaysia tidak bergantung kepada perkhidmatan perkapalan asing.

Katanya, perkembangan yang tidak selaras akan meningkatkan permintaan untuk perkhidmatan perkapalan asing yang akhirnya akan menjejaskan ekonomi negara kerana sebahagian besar kos perdagangan akan dinikmati oleh perusahaan perkapalan dan insurans negara asing.

Dalam konteks ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir, pendaftaran kapal-kapal di Malaysia perlu dipertingkatkan untuk membantu menjimatkan pertukaran wang asing dan pergantungan kepada syarikat perkapalan dan insurans asing.

Beliau berkata, selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maritim, kerajaan akan terus menumpukan kepada pemberian kemudahan sampingan seperti latihan, baik-pulih kapal dan penguasaan pelabuhan supaya industri perkapalan negara dapat tumbuh dalam suasana kompetitif.

Beliau turut meminta para pemilik kapal memikir dan memberi perhatian ke arah meningkatkan bilangan pelaut tempatan yang terlatih supaya negara tidak ketandusan pelaut. -- Lagi.

♥12/03/15-18MST

CNS3176

U GB 12-03 00128 BA058

Bah

Mahathir - Kontena 3 Pelabuhan Klang

Katanya, Malaysia khasnya dan negara-negara ASEAN amnya, dijangka menjadi sumber utama pelaut terlatih memandangkan kekurangan serta kos yang tinggi yang dihadapi di kalangan negara maju.

Oleh itu persaingan permintaan bagi tenaga manusia mahir dalam industri di darat perlu diambil kira oleh para pemilik kapal dalam usaha untuk mengekal dan menambah kakitangan di laut.

Katanya, tidak ada sebab kapal-kapal Malaysia tidak boleh diusahakan atau dikendalikan oleh rakyat Malaysia sendiri kerana Malaysia sendiri mempunyai tradisi maritim.

Dengan kapal-kapal moden dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, pelaut boleh menabungkan semua pendapatannya untuk pembelian harta atau pelaburan akan datang, kata Perdana Menteri. Di beberapa negara pendapatan pelaut merupakan punca pendapatan negara yang penting. -- Bernama.

♥12/03/15-20MST